



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PENUBUHAN JAWATANKUASA TINDAKAN PELANCONG BAGI MENANGANI KESAN NOVEL CORONAVIRUS

Dalam usaha menangani persepsi negatif masyarakat terhadap penyebaran kluster Novel Coronavirus yang disebarkan oleh pelancong China khususnya dari Wilayah Wuhan dan Wilayah Hobei, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengambil langkah positif dengan menubuhkan **Tourism Recovery Committee** bagi memantau perkembangan semasa isu ini.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya berkata, "Jawatankuasa ini berperanan untuk memberikan khidmat nasihat dan penjelasan kepada semua pelancong dan langkah-langkah yang perlu diambil termasuklah menjaga kesihatan diri seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mengelak mereka dijangkiti virus sepanjang berada di negara ini".

Jawatankuasa ini juga berperanan menjaga keselamatan pelancong dan memastikan semua pengunjung berada dalam keadaan selesa dan yakin berdasarkan langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani isu ini. Ianya termasuklah menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia mengadakan saringan kesihatan ke atas semua pelancong yang menggunakan laluan udara, laut dan darat di semua pintu masuk ke negara ini.

Disamping itu, badan ini juga memainkan peranan untuk merancang dan merangka tindakan-tindakan positif bagi mencari pasaran baru untuk menggantikan sektor pelancongan khususnya dari negara China yang terjejas akibat serangan virus ini.

Datuk Mohamaddin bin Ketapi berkata, pihak MOTAC akan sentiasa mengadakan kerjasama rapat dengan pemain industri bagi memastikan sektor pelancongan tidak terjejas dan beroperasi seperti biasa walaupun wujud kekangan akibat penularan virus ini di Malaysia. Ini termasuklah bersetuju membenarkan pihak syarikat penerbangan membuat pemeriksaan terhadap semua penumpang yang menaiki pesawat mereka.

Beliau menegaskan bahawa kerajaan Malaysia mengalu-alukan pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan China yang menghalang penduduk Wilayah Wuhan, Wilayah Hobei dan kawasan sekitar melawat ke luar negara termasuk Malaysia dan juga membuat lawatan domestik bagi mengelak penularan wabak ini.

Beliau bersetuju dengan keputusan YAB Perdana Menteri untuk menggantung sementara semua kemudahan imegresen iaitu eENTRY (kemudahan tanpa visa), Visa Semasa Ketibaan (Visa on Arrival), e-visa dan visa manual untuk pelancong China dari Wilayah Wuhan dan Wilayah Hobei.

Katanya, "Malaysia mempunyai pengalaman berhadapan dengan serangan wabak sebelum ini dan yakin akan berjaya menangani isu ini berdasarkan langkah-langkah drastik yang diambil dan memastikan setiap pelancong yang datang ke negara ini adalah dalam keadaan sihat dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit".

MOTAC akan mengekalkan sasaran menarik 30 juta pelancong pada tahun ini walaupun berhadapan dengan serangan virus ini dan tidak bercadang untuk mengkaji semula, walaupun serangan virus ini sedikit sebanyak akan memberikan kesan negatif terhadap kehadiran pelancong.

---Tamat---

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Laman Sesawang: www.motac.gov.my Emel: info@motac.gov.my

FB: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Instagram: mymotac Twitter: mymotac